


PENGAMBILAN DARAH LEMBU PADA SALUR COCCYGEAL VEIN

Oleh: Dr. Donny Yawah
untuk www.dodon.org
Laman Web Penternakan





Pengambilan darah ternakan merupakan elemen penting dalam kawalan penyakit ternakan. Ia perlu dimasukkan dalam jadual kesihatan gerompok ternakan agar tidak tersasar daripada melakukannya. Tujuan pengambilan darah adalah untuk saringan penyakit, ia amat penting bagi memastikan ternakan bebas daripada sebarang penyakit merbahaya seperti *brucellosis*, *melioidosis*, *tuberculosis*, penyakit kuku dan mulut dan lain-lain penyakit.








Rajah 1: Lokasi pengambilan darah lembu.
a. Coccygeal vein. B. Jugular vein

Biasanya darah lembu diambil daripada *coccygeal vein*, iaitu salur darah yang mengujur sepanjang bahagian ventral ekor lembu. Selain daripada itu, darah lembu juga boleh diambil daripada *jugular vein*, iaitu salur yang terletak disepanjang kedua belah leher ternakan. Lokasi salur darah berkenaan adalah seperti dalam rajah 1.

Peralatan untuk pengambilan darah

Bil	Nama alat	Kegunaan
1	Venojet Needle 	Jarum yang digunakan untuk mengambil darah, disambungkan pada venojet holder
2	Venojet Holder 	Memegang venojet needle
3	Tiub vakum 	Penyimpanan darah <ol style="list-style-type: none"> 1. Plain tube - Serum 2. EDTA tube - Anti-coagulant 3. Heparin tube - Anti-coagulant
4	Kapas dan alkohol 	Kapas dibasahkan dengan alkohol digunakan untuk membasmi kuman pada kawasan pengambilan darah; mengurangkan kontaminasi pada sampel

Bil	Nama alat	Kegunaan
5	<p>Latex gloves</p>  <p>Plastik gloves</p> 	<p>Dipakai ketika mengambil sampel bagi mengurangkan risiko kontaminasi dan melindungi diri daripada kemungkinan penyakit berjangkit</p>
6	<p>Tisu</p> 	<p>Mengelap peralatan yang kotor</p>
7	<p>Marker pen</p> 	<p>Menulis label pada sampel</p>
8	<p>Paint Stick Marker</p> 	<p>Menandakan ternakan yang telah diambil sampel</p>

Prosedur pengambilan sampel darah daripada salur coccygeal vein




salur coccygeal vein dikenalpasti pada bahagian ventral pangkal ekor



Sapu alkohol pada kawasan pengambilan darah




Masukkan tiub dalam venojet holder dan hubungkannya pada jarum venojet



Tusukkan jarum pada salur coccygeal vein dan perbetulkan kedudukan jarum sehingga darah keluar



Biarkan darah memenuhi $\frac{3}{4}$ daripada tiub



Keluarkan tiub, bersihkan dan labelkan